

# SMU perkenal kursus unik gabungan ekon, politik dan perundangan baru

Gadis Melayu antara 46 siswa ikuti kursus bermula Isnin ini

► **FAKHRURADZI ISMAIL**  
mfismail@sph.com.sg

KEGAGALAN pada tahun pertama di maktab rendah tidak mematahkan semangat Cik Nur Dini Haziqah Mohd Sukri.

Malah, ia menjadi pemangkin untuk membuktikan kegagalan bukan bererti akhirnya perjalanan mengejar impian dan mencapai kejayaan.

Bekas pelajar Maktab Rendah Temasek itu kemudian mengambil keputusan beralih daripada aliran sains kepada aliran sastera di sekolah selepas mendapatkan nasihat guru dan menilai semula kekuatannya dalam pelajaran.

“Waktu itu detik yang mencabar buat diri saya, bahkan terfikir mahu ubah terus dan lanjutkan pengajian ke peringkat diploma di politeknik.

“Namun, saya berazam membuktikan bahawa kegagalan tidak seharusnya menjadi penghalang dan mematahkan semangat,” kata Cik Dini, 20 tahun.

Langkah itu terbukti keputusan yang tepat setelah beliau meraih keputusan cemerlang dalam peperiksaan GCE peringkat ‘A’ tahun lalu.

Dengan keputusan tersebut, Cik Dini mahu menjadi peguam atau menceburi sektor undang-undang suatu hari nanti.

Oleh sebab itu, beliau memilih



**TIDAK SABAR MULA SEKOLAH:** (Dari kiri) Encik Elliot Gaston Braet, Cik Clarabelle Koh, Cik Dini dan Encik Subramaniam Narayanan antara 46 pelajar baru yang akan mengikuti kursus PLE SMU mulai Isnin ini. – Foto ZAINAL YAHYA

menyertai kursus baru yang ditawarkan Universiti Pengurusan Singapura (SMU), yakni jurusan Politik, Undang-Undang dan Ekonomi (PLE).

“Saya amat tertarik dengan kursus PLE kerana ia merangkumi aspek pengajian yang lebih luas dalam pelbagai bidang sebelum kami membuat pemilihan khusus dalam bidang yang ingin kita ambil pada tahun ketiga.

“Terdapat beberapa modul yang begitu menarik kerana saya mempunyai cita-cita bekerja sebagai peguam pada masa hadapan. Bagi saya, kursus ini amat penting dan

praktikal di dalam dunia yang lebih bersepadu dan global,” ujarnya.

Kursus tersebut menyediakan pelajar dengan pemahaman kukuh terhadap bagaimana politik, undang-undang dan ekonomi saling terhubung membentuk dunia kini, selain memberi mereka pendedahan kepada perubahan politik dan ekonomi global.

Cik Dini antara 46 pelajar yang akan mengikuti jurusan PLE di bawah Sekolah Sains Sosial SMU.

Universiti itu menyambut kedatangan seramai 1,983 mahasiswa baru daripada pelbagai jurusan yang akan memulakan pengajian Isnin ini

dalam majlis konvokesyen di Pusat Konvensyen Suntec semalam.

Bagi memastikan pelajar menerima pengalaman pembelajaran lebih selesa, SMU telah menyediakan beberapa kemudahan baru, seperti ruang belajar luas dan bilik seminar yang mampu menampung bilangan pelajar yang kian meningkat.

Presiden SMU, Profesor Armond De Meyer, berkata:

“Saya gembira kerana kami berjaya membangun dan melaksanakan rancangan yang kreatif dan inovatif bagi memanfaatkan ruang di sekitar kampus bandar ini sebaik mungkin.”